



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

TARIKH IKLAN : 28 APRIL 2014

JAWATAN

A1 – Pegawai Eksekutif (Perundangan) Gred 48 Kontrak

- 4 Kekosongan (Semenanjung Malaysia)

A2 – Pegawai Eksekutif (Perundangan) Gred 41 Kontrak

- 17 Kekosongan (Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak)

B1 – Penolong Pegawai Eksekutif (Perundangan) Gred 31 Kontrak

- 5 Kekosongan (Semenanjung Malaysia & Sabah)

B2 – Penolong Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 31 Kontrak

- 51 Kekosongan (Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak)

KELAYAKAN MEMOHON

A1 & A2

Memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya;

ATAU

Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination) dan diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya;

DAN

Memiliki Purata Nilai Gred Terkumpul (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas bagi Ijazah Sarjana Muda yang berkenaan;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B1

Memiliki Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam, Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

DAN

Memiliki Purata Nilai Gred Terkumpul (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas bagi Diploma berkenaan;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B2

Memiliki Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam, Pengajian Perdagangan, Pengajian Bank, Pengajian Perakaunan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

ATAU

Licentiate of Chartered of Secretaries and Administration of United Kingdom dalam bidang kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

DAN

Memiliki Purata Nilai Gred Terkumpul (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas bagi Diploma berkenaan;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

*** Semua pemohon mestilah Warganegara Malaysia yang berumur dalam lingkungan tidak kurang daripada 18 tahun dan ke atas pada tarikh tutup iklan.**

*** Tempoh kontrak akan diperbaharui dari tahun ke tahun mengikut penilaian prestasi pegawai.**

KELAYAKAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN

A1

Mempunyai sekurang-kurangnya 8 tahun pengalaman dalam mengendalikan litigasi di semua peringkat Mahkamah.

A2

Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam bidang perundangan di firma guaman swasta atau perkhidmatan kerajaan.

B1

Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam bidang perundangan di firma guaman swasta atau perkhidmatan kerajaan.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

BIDANG TUGAS

A1

Menyemak fail untuk persediaan menghadiri sebutan bagi kes-kes yang melibatkan isu yang rumit;

Menyediakan jawapan petisyen rayuan ke Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dan menyerahkan kepada Peguam / Pembayar Cukai;

Menyediakan Isu, Fakta dan Ikatan Dokumen Yang Dipersetujui ke Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP);

Mengendalikan kes di hadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan / Mahkamah Tinggi / Mahkamah Rayuan pada tarikh perbicaraan;

Menyediakan Hujahan Balas Bertulis / memuktamadkan draf hujahan bertulis yang disediakan oleh pegawai setelah semakan dan kajian dibuat ke atas peruntukan undang-undang dan kes-kes yang berkaitan;

Menyediakan laporan penuh keputusan kes dan menyatakan hujahan pihak-pihak dan alasan ringkas yang telah diberikan oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan; dan

Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

A2

Mengendalikan / membantu mengendalikan kes-kes pungutan cukai di peringkat pra-penghakiman termasuk kes-kes interlokutori sivil dan bicara penuh di peringkat Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi;

Membantu dalam mengendalikan kes-kes yang melibatkan tindakan saman terhadap Kerajaan Malaysia dan LHDNM di peringkat Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi;

Membantu pegawai atasan dalam mengendalikan semua kes rayuan dari Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi;

Memberikan pendapat undang-undang berkaitan pelaksanaan penghakiman;

Mengendalikan kes penggulungan syarikat, kebangkrapan, saman penghutang penghakiman, writ penyitaan dan penjualan dan perintah larangan yang melibatkan pelaksanaan penghakiman di peringkat Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi;

Membuat laporan kes-kes sivil yang dikendalikan di Mahkamah;

Memfailkan jawapan petisyen rayuan ke Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dan menyerahkan kepada Peguam / Pembayar Cukai;

Memfailkan Isu, Fakta dan Ikatan Dokumen Yang Dipersetujui ke Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP);

Menyediakan Hujahan Balas Bertulis setelah semakan dan kajian dibuat ke atas peruntukan undang-undang dan kes-kes yang berkaitan;

Menyediakan laporan penuh keputusan kes dan menyatakan hujahan pihak-pihak dan alasan ringkas yang telah diberikan oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan; dan

Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

B1

Menyediakan dokumen-dokumen sebelum penghakiman dan selepas penghakiman bagi tujuan pemfailan dan pengendalian kes di Mahkamah;

Menyemak lejar dan kemaskini rekod sistem pemantauan dari masa ke semasa;

Berurusan dengan unit-unit lain di Cawangan berkenaan pungutan cukai Pembayar Cukai serta menyediakan Notis-notis permohonan interlokutori;

Menyediakan deraf / salinan bersih perintah / penghakiman untuk difailkan ke Mahkamah dan berurusan dengan pejabat peguam, Mahkamah, Mdl, SSM dan agensi akhbar dari masa ke semasa;

Merekod tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh Mahkamah ke dalam Diari dan Jadual Kes Unit Undang-undang dan menyediakan jadual pengendalian kes untuk pegawai atasan dan Pegawai Pendakwa setiap bulan; dan

Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

B2

Mendaftar dan menyelenggarakan fail Cukai Pendapatan dan menyemak indeks ke atas pelbagai dokumen yang diterima;

Memberi khidmat nasihat kepada pembayar cukai di kaunter atau melalui telefon;

Membantu operasi Banci Bisnes dalam lawatan ke premis-premis perniagaan; dan

Membantu mengeluarkan bil kompaun dan daftar kes saman.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

KRITERIA YANG DIPERLUKAN

- ✓ Berdaya saing, asertif, pemikiran kritis, dinamik serta matang.
- ✓ Bertanggungjawab, proaktif, daya inisiatif yang tinggi dan kemahiran interpersonal yang baik.
- ✓ Kebolehan bekerja secara berkumpulan, kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Berkemahiran dalam bahasa etnik seperti Mandarin, Tamil dan bahasa lain adalah satu kelebihan.
- ✓ Mempunyai kemahiran perundingan dan perseorangan
- ✓ Bersedia bertugaskan dimana-mana cawangan LHDNM.

GAJI

A1

RM9,042.00 – RM16,202.00

A2

RM2,977.00 – RM11,392.00

B1 & B2

RM2,198.00 – RM7,065.00

CARA MEMOHON

*PERMOHONAN JAWATAN A1 SAHAJA

Permohonan hendaklah dibuat secara manual melalui **Borang Permohonan Pekerjaan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)**.

Borang permohonan boleh diperoleh melalui laman web LHDNM di alamat <http://www.hasil.gov.my> di ruangan **KERJAYA**, klik pada **Borang Permohonan Pekerjaan**. Borang permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:

- Sekeping gambar terbaru berukuran pasport .
- Salinan sijil kelahiran, kad pengenalan dan lain-lain sijil yang berkaitan (Disahkan oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun / Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi JKKK / Pengetua / Guru Besar / Pesuruhjaya Sumpah atau mereka yang diperakui pengesahan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam).

Borang yang telah lengkap diisi berserta dokumen yang telah disahkan hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**Jabatan Sumber Manusia
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil, Aras 10
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8,
63000 Cyberjaya, Selangor.**

(u.p: Unit Pengambilan & Penempatan)

*PERMOHONAN JAWATAN A2, B1 & B2

Permohonan dari **calon-calon pegawai LHDNM yang masih berkhidmat** (bertaraf sambilan) hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL <http://kerjaya.hasil.gov.my/eKerjaya> .

Permohonan dari **calon-calon luar LHDNM** (termasuk yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan) hendaklah dibuat melalui Laman Web JobsMalaysia (Kementerian Sumber Manusia) di <http://www.jobsmalaysia.gov.my> .

Semua permohonan tidak perlu dicetak/di pos ke LHDNM.

MAKLUMAT TEMU DUGA

Nama calon-calon yang berjaya dipanggil menghadiri temu duga **akan dimaklumkan melalui dua kaedah iaitu:-**

* Paparan di Laman Web Rasmi LHDNM (ruangan "Kerjaya"); dan

* Melalui Surat

Pemohon juga dinasihatkan sentiasa menyemak Laman Web Rasmi LHDNM untuk mengetahui sebarang perkembangan maklumat terkini berhubung tawaran jawatan berkenaan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

12 MEI 2014

NOTA

- Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan kriteria seperti di atas dan juga telah ditapis sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- Pemohon **dikehendaki mendapatkan surat pengiktirafan kelayakan** berkenaan dari Unit Pengiktirafan, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) atau melalui laman <http://www.interactive.jpa.gov.my/webinteraktif/frmMainIktiraf.asp>
- Calon-calon yang tidak dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak berjaya.
- Sebarang pertanyaan boleh menghubungi nombor berikut :

Unit Pengambilan dan Penempatan di talian :

03-83138888 *sambungan* 21079, 21081, 21083, 21084, 21085, 21041, 21042 dan 21048